



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**17 FEBRUARI 2017 (JUMAAT)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Utusan Malaysia**

- JMM kecewa sikap MPAJ, gesa Zuraida laksana tanggungjawab 31

**Sinar Harian**

- Lubang jalan berisiko bakal dibaiki 40
- Pengurus besar direman 12

**Berita Harian**

- MPAJ tak ubah ketetapan 12



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**17 FEBRUARI 2017 (JUMAAT)**

Akhbar	Utusan Malaysia ( Utusan Kota )
Tajuk Berita	JMM kecewa sikap MPAJ, gesa Zuraida laksana tanggungjawab
Muka Surat	31

# JMM kecewa sikap MPAJ, gesa Zuraida laksana tanggungjawab

um 17/2/2017 ms 31

Kemelut penaja Bukit Ampang Saujana berterusan

**KUALA LUMPUR 16 Feb.** - Jaringan Melayu Malaysia (JMM) kecewa dengan sikap Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) yang berterusan memberi tekanan kepada kumpulan peniaga dan penaja kecil Melayu di Bukit Ampang Saujana dan menggesa Ahli Parlimen PKR Ampang, Zuraida Kamaruddin melaksanakan tanggungjawab dan mengambil perhatian terhadap perkara tersebut.

Ketua Setiausahaanya, Hamdan Mohd. Salleh berkata, Zuraida sepatutnya perlu bersikap adil dan mengenyahkan soal fahaman politik dan mengutamakan kepentingan Melayu.

Sebaliknya bukan meletakkan kepada kepentingan pihak lain mahupun peribadi semata-mata termasuklah mengetengahkan kegiatan premis mesin judi slot di kawasan Parlimen Ampang.

Katanya, isu terbabit seringkali dikemukakan namun Zuraida seolah-olah menutup sebelah mata tentang penyalahgunaan pemberian lesen oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) itu kepada pemilik mesin judi.

"Setelah pihak MPAJ meruntuhkan struktur binaan tebing kawasan tersebut (kawasan peniaga kecil di Bukit Ampang Saujana) pada 27 Januari 2017, pihak MPAJ terus berdiam diri walaupun memorandum bantahan telah dihantar oleh JMM kepada Yang



**HAMDAN MOHD. SALLEH**



**AMPANG JAYA 8 Feb.** - Kemelut melibatkan kira-kira 23 penaja Bukit Ampang Saujana bagai tiada kesudahan ekoran struktur peniagaan mereka sekali lagi dirubuhkan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) pada 27 Januari lepas.

Ketua Pengarah Jaringan Melayu Malaysia (JMM), Hamdan Mohd. Salleh berkata, penaja hilang punca pendapatan matah sebelum ini dianda berkali-kali sehingga terpaksa membayar saman sebanyak RM12,000.

"JMM mengesyorkan tindakan yang seolah-olah 'membunuh' penaja kecil Melayu yang mencari pendapatan sebarisan untuk menanggung keluarga.

"Saya meminta MPAJ berbincang dengan penaja dan menyelesaikan isu itu," katanya selepas mengadakan mesyuarat bantahan di Menara MPAJ di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengarah Kerjasama Kota, Pengarah JMM, Yusoff Faizan

Kesedaran bertukar-lekoh melibatkan mereka dibantu kuasa MPAJ namun dikawal beberapa minggu disebarkan kepada wakil MPAJ. Dalam perkembangan Amran menakwa, segala denda dan surat menyuruh mereka tidak di MPAJ sedangkan berpindah Ampang Waterfront tidak ditandakan keuntungan. "Kawannya yang tidak enak."

"Untung sudahlah tapi RM1200 sehati dan a berniaga semula ke pang, tuah penaja dis, dibawa ke Mahkamah," kata Semantara itu, Pegawai Hubungan Awam MPAJ, Nori yati Ahmad ketika dihubungi Utusan Malaysia memaklumi MPAJ tidak membenarkan mereka berniaga di lokasi itu atas faktor keselamatan.

Menurutnya, kawasan tersebut merupakan "sila d operasi perniagaan."

**KERATAN Utusan Malaysia 9 Februari 2017.**

Dipertua MPAJ, Abd. Hamid Hussain pada 8 Februari lalu.

"Mengapa perkara ini dilaksanakan sehingga berlaku penindasan kepada peniaga Melayu sedangkan premis yang menjalankan perniagaan bersebelahan di sebalik lesen hiburan keluarga dibiarkan berleluasa di parlimen Ampang," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Sementara itu, Hamdan berkata, JMM juga meminta agar pihak Abd. Hamid untuk membuat pertemuan dan berbincang dengan kumpulan peniaga kecil Melayu terlibat.

Namun katanya, sehingga hari ini tidak ada sebarang tindakan atau jawapan diterima.

Menurutnya, MPAJ difahamkan akan terus mengambil tindakan mengeluarkan saman kepada peniaga kawasan tersebut.

Katanya, tindakan itu dilihat

seperti sengaja ingin membunuh peniaga kecil dengan melakukan kekerasan.

"JMM mendesak pihak MPAJ memberi ruang serta berbincang dengan peniaga kecil Melayu supaya mereka kekal menjalankan perniagaan di sana.

"MPAJ harus mengkaji semula supaya semua peniaga kecil ini diberikan lesen perniagaan yang sah untuk membantu peniaga tersebut," katanya.

Tambah Hamdan, pihaknya turut difahamkan MPAJ akan mengenyahkan seluruh peniaga terlibat dan peluang diberikan kepada peniaga lain untuk berniaga di kawasan sekitar Bukit Ampang Saujana.

"Diskriminasi oleh MPAJ ini sangat keterlaluan sehingga sanggup mengeluarkan saman berjumlah RM12,000 kepada seorang peniaga sate di kawasan tersebut dan beberapa peniaga lagi," ujarnya.




**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>17 FEBRUARI 2017 (JUMAAT)</b>	
Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	MPAJ tak ubah ketetapan
Muka Surat	12

### ISU ROBOH TAPAK GERAI DI BUKIT AMPANG SAUJANA

[FOTO MOHD YUSNI ARIFFIN/BH]



Keselamatan masih menjadi faktor utama MPAJ tidak membenarkan aktiviti perniagaan di Bukit Ampang Saujana. Lokasi Ampang Waterfront boleh memuatkan peniaga dan sememangnya sudah dijadikan kawasan berniaga”

**Nor Hayati Ahmad,**  
Pegawai Perhubungan  
Awam MPAJ

Kawasan yang sebelum ini menjadi tapak penjaja di Bukit Ampang Saujana, Ampang.

## MPAJ tak ubah ketetapan

Berita Harian  
MIS 12  
17/2/2017

➔ Tetap larang penjaja berniaga atas faktor keselamatan

Oleh Mohd Zulkifli Zainuddin  
mohd.zulkifli@bh.com.my  
Kuala Lumpur

**M**ajlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) tetap dengan pendiriannya untuk tidak membenarkan penjaja Bukit Ampang Saujana di sini, terus berniaga di kawasan itu, atas faktor keselamatan dan kesesakan lalu lintas.

Pegawai Perhubungan Awam MPAJ, Nor Hayati Ahmad, berkata tindakan penguatkuasaan akan dilaksanakan dari semasa ke semasa ke atas penjaja yang masih berdegil.

Katanya, MPAJ menawarkan lokasi di Ampang Waterfront bagi menggantikan Bukit Ampang Saujana untuk membolehkan kesemua penjaja dapat terus berniaga.

#### Keselamatan diutamakan

“Keselamatan masih menjadi faktor utama MPAJ tidak membenarkan aktiviti perniagaan di Bukit Ampang Saujana. Lokasi Ampang Waterfront boleh memuatkan peniaga dan sememangnya sudah dijadikan kawasan berniaga.

“Bagi memberi keselesaan, MPAJ juga akan membersihkan kawasan

yang dikatakan dipenuhi sampah dan berbau busuk seperti didakwa penjaja,” katanya kepada BH.

Halaman Kota baru-baru ini melaporkan 23 penjaja yang beroperasi di Bukit Ampang Saujana kecewa apabila MPAJ meruntuhkan tapak gerai di tepi bukit berkenaan, sekali gus menutup punca pendapatan mereka.

Mereka mendakwa tindakan diambil MPAJ pada 27 Januari lalu itu dipengaruhi kepentingan lain, terutama kemungkinan membangunkan kawasan terabit yang menawarkan pemandangan indah bandar raya Kuala Lumpur.

Tinjauan BH mendapati, struktur tapak gerai dibina penjaja di kawasan sepanjang lebih 20 meter terjejas teruk hingga menyebabkan mereka terpaksa berpindah ke bahu jalan untuk terus mencari rezeki.

Mengenai tindakan MPAJ itu, Nor Hayati menjelaskan, bahawa ia sebenarnya dilakukan bagi membaiki cerun supaya dapat menghalang hakisan cerun berbahaya pada kawasan perumahan di bawah bukit terabit.

“MPAJ tidak pernah menyekat peruk nasi penjaja seperti didakwa mereka, namun cuba bertindak bagi memastikan tiada perkara ti-

Fakta nombor

### 23 PENJAJA

menjalankan kegiatan di Bukit Ampang Saujana

dak diingini berlaku.

“Kami faham situasi mereka yang sudah berniaga sejak lapan tahun, namun MPAJ sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu bertanggungjawab sekiranya tragedi berlaku.

“Biar kami cegah dulu sebelum terlambat. Tambahan pula kami tidak mahu penduduk di taman perumahan berhampiran bukit itu mengalami kesesakan lalu lintas berikutan laluan dari Bukit Ampang Saujana menjadi tapak berniaga,” katanya.



Keratan akhbar BH  
13 Februari lalu.



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>17 FEBRUARI 2017 (JUMAAT)</b>	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Lubang jalan berisiko bakal dibaiki
Muka Surat	40

## Lubang jalan berisiko bakal dibaiki

SH m/s 40  
17/2/2017

AMPANG - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) mengenal pasti 700 jalan berlubang di kawasan pentadbirannya yang perlu diperbaiki segera.

Yang Dipertua MPAJ, Abd Hamid Hussain berkata, pihaknya akan melaksanakan kerja-kerja berkenaan dalam tempoh terdekat.

"Kita harap kerja pembaikan itu dapat dilaksanakan segera, di samping tiada lagi lubang besar yang mengundang bahaya kepada pengguna jalan raya," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurutnya, kos peruntukan tersebut adalah di

bawah Sistem Maklumat Rekod-Rekod Jalan Raya Malaysia (Marris) dan MPAJ.

"Kos berkenaan dianggarkan kira-kira RM500,000 hingga RM700,000, kita akan cuba selesaikan kerja ini dalam tempoh satu atau dua bulan.

"Cuaca yang tak menentu khususnya hujan boleh menyebabkan berlakunya masalah itu.

"Kita akan lihat lubang yang perlu dibaiki segera seperti sejauh mana lubang berkenaan mendatangkan bahaya kepada pengguna jalan raya," katanya.

**Cuaca yang tak menentu khususnya hujan boleh menyebabkan berlakunya masalah itu."**

- Abd Hamid





**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>17 FEBRUARI 2017 (JUMAAT)</b>	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Pengurus besar direman
Muka Surat	12

# Pengurus besar **direman**

SH Mas 12 (17/2/2017)

Salah guna kedudukan beri lebih 50 projek kepada dua syarikat milik isteri

**PUTRAJAYA** - Seorang pengurus besar sebuah agensi kerajaan direman tujuh hari bagi membantu siasatan kes menyalahgunakan kedudukannya untuk memberikan lebih 50 projek bernilai hampir RM1 juta kepada dua syarikat milik isterinya, semalam.

Majistret Nik Isfahanie Tasnim Wan Ab Rahman membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menahan reman suspek berusia 62 tahun itu sehingga 22 Februari ini.

Suspek tiba di mahkamah majistret di sini, jam 9.40 pagi dan akan disiasat mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009.

Dia ditangkap menerusi satu operasi yang dilancarkan SPRM, jam 11 pagi kelmarin di Selangor.

Di luar mahkamah, SPRM memberitahu media bahawa suspek ditangkap di pejabatnya berhubung kes menyalahgunakan kedudukannya sejak memegang jawatan sebagai timbalan pengurus besar di agensi kerajaan itu dari 2014 hingga 2016, sebelum dilantik sebagai pengurus besar pada September 2016.

Turut ditangkap dalam operasi tersebut ialah isterinya berusia 38 tahun, bagaimanapun wanita itu dibebaskan selepas percakapannya dirakam SPRM berhubung siasatan kes tersebut petang kelmarin. - *Bernama*

**SALAH  
GUNA  
KUASA**



Pengurus besar sebuah agensi kerajaan dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam.